

PERATURAN PERTANDINGAN PERBARISAN SAF



1.0 UNDANG-UNDANG PERBARISAN.

- 1.1 Peserta perbarisan mestilah seramai 50 orang minimum dan 100 orang maksimum daripada kolej pengajian dan fakulti masing-masing.

2.0 SISTEM PEMARKAHAN PERTANDINGAN.

- 2.1 Pertandingan ini diberi markah berdasarkan 4 kriteria seperti berikut:

2.1.1 Maskot & 'Placard' (10 markah)

Bergantung kepada kreativiti setiap kontinjen perbarisan dan maskot perlulah mempunyai ciri-ciri fakulti masing-masing.

2.1.2 Kesamaan Perjalanan (20 markah)

Keseragaman semasa berjalan dalam kontinjen, jelas dalam memberi arahan (order) dan memberi hormat kepada tetamu jemputan (VIP).

2.1.3 Kreativiti / Persembahan (30 markah)

Setiap kontinjen perlu kreatif dan inovatif dalam usaha menceriakan kontinjen fakulti masing-masing. Kontinjen dibenarkan membawa peralatan yang boleh menarik minat penonton tetapi perlu mempunyai ciri-ciri fakulti masing-masing.

2.1.4 Keseragaman (20 markah)

Keseragaman dari segi pakaian yang kemas serta memakai kasut yang bersesuaian. Pakaian yang mempunyai unsur-unsur lucah dan negatif tidak dibenarkan.

2.1.5 Disiplin (20 markah)

Kontinjen mesti berada di dalam kumpulan dalam keadaan berbaris sehingga pengumuman keputusan diumumkan.

3.0 PERALATAN

- 3.1 Pihak pengelola tidak bertanggungjawab di atas penyediaan peralatan seperti bendera fakulti, 'placard', maskot dan lain-lain peralatan.
- 3.2 Setiap Kontinjen hendaklah mengikut saiz dan ukuran bendera fakulti 90 cm x 180 cm dan 'placard' 75 cm x 45 cm

4.0 KELEWATAN

- 4.1 Semua kontinjen perbarisan mesti memastikan semua ahli kontinjen berada di kawasan berkumpul (1) satu jam sebelum masa perbarisan dimulakan.
- 4.2 Setiap kontinjen mestilah mempunyai 50 orang ahli semasa perbarisan dimulakan.
- 4.3 Setiap kontinjen dibenarkan membuat persembahan tidak lebih dari 3 minit

5.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan di atas akan diputuskan oleh jawatankuasa pengelola dan keputusan adalah muktamad.